

Pusat kecemerlangan industri rel ditubuh

KUALA LUMPUR: Malaysia bakal memiliki pusat kecemerlangan nasional bagi industri kereta api yang akan menjadi pemangkin utama pembangunan bakat kepakaran dalam kereta api dan pengangkutan rel peringkat Asia Tenggara. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata pentadbiran kerajaan sebelum ini pernah mencetuskan idea Pusat Kecemerlangan Rel Kebangsaan (NRCOE) namun ia tidak pernah dilaksanakan. Justeru, beliau berkata kini masa yang sesuai membangunkan pusat kecemerlangan untuk seluruh negara.

Katanya, kementerian kini meninjau menghimpunkan semua sumber dalam negara, sama ada di pihak agensi kerajaan, pengawal selia atau syarikat operator untuk mewujudkan satu akademi yang diinstitusikan khusus bagi latihan pembangunan kepakaran berkaitan pengangkutan rel. "Kita kini ada Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) sebagai operator rangkaian rel nasional, Prasarana dengan operasi khusus metro dan bas bandar, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sebagai pengawal selia, ERL sebagai syarikat operator kereta api ekspres lapangan terbang dan akan datang Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) yang mengendalikan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

"Setiap satu memiliki pusat latihan atau akademi masing-masing dan semua entiti di bawah Kementerian Pengangkutan, maka kita lihat untuk gabungkan sumbernya dan wujudkan pusat kecemerlangan seluruh negara yang lebih cekap, mampan dan berimpak," katanya. Beliau berkata demikian kepada media selepas melancarkan persidangan 'Women in Rail 2019' di Kuala Lumpur, semalam. Mengulas lanjut, Loke berkata, pusat kecemerlangan nasional itu kelak diharapkan mampu melatih bakat baharu mengikut set kemahiran yang diperlukan industri serta menyediakan pensijilan yang diiktiraf.

Katanya, ia masih dalam perancangan dan belum ada peruntukkan, namun kementerian merancang memanfaatkan infrastruktur dan kemudahan di Batu Gajah, Perak untuk di naik taraf secara menyeluruh kepada pusat kecemerlangan nasional terbabit. "Malaysia memiliki semua bakat dan sumber yang mencukupi dalam kalangan kita sendiri, bahkan negara luar pun mahu bekerjasama dengan Malaysia kerana miliki semua sumber terbabit namun kebanyakannya berselerak. "Maka, jika kita boleh bergabung sumber dan menjayakan rancangan ini sebagai sebuah negara memiliki akademi yang diinstitusikan di bawah kementerian," katanya.
